

PENGESAHAN TANDATANGAN MENURUT FIQH DAN UNDANG-UNDANG

Oleh:
Wan Abdul Fattah bin Wan Ismail

Abstrak

Tandatangan merupakan elemen penting bagi memastikan sesuatu dokumen itu diterima dari segi perundangan atau sebaliknya. Penulisan ini dibuat bertujuan untuk melihat bentuk-bentuk tandatangan, syarat-syarat dan kaedah pengesahan tandatangan secara manual menurut fiqh dan peruntukan dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Islam sememangnya telah mengiktiraf tandatangan sebagai salah satu elemen terpenting dalam dokumen dan juga telah diperuntukkan dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Selain itu juga Islam telah menggariskan beberapa kaedah tertentu bagi memastikan tandatangan benar-benar asli dari pemiliknya dan secara tidak langsung mengelakkan daripada pemalsuan tandatangan dan penganiayaan.

Kata kunci: tandatangan, syarat, akta, dokumen

PENDAHULUAN

Tandatangan merupakan syarat yang asas bagi memastikan sesuatu dokumen itu sah di sisi undang-undang atau sebaliknya. Sejarah telah membuktikan, Rasulullah S.A.W mengiktiraf tandatangan sebagai bukti pengesahan bagi sesuatu dokumen ketika baginda mengutus surat kepada pemerintah Rom dan Parsi. Islam amat mengambil berat soal kesahihan sesuatu tandatangan, lebih-lebih lagi peristiwa pembunuhan Saidina ʿUthman adalah disebabkan pemalsuan tandatangan oleh pihak-pihak tertentu yang bertindak menggunakan tandatangan khalifah tanpa pengetahuan beliau.

Peristiwa ini menjadi pengajaran yang amat besar agar setiap tandatangan dipastikan benar-benar sah daripada pemilikinya bagi mengelakkan sebarang bentuk penipuan dan penganiayaan. Islam menggariskan beberapa kaedah untuk mengenal pasti tandatangan itu sama ada ia benar-benar asli atau palsu. Kaedah yang dimaksudkan ialah ikrar, kesaksian, sumpah dan yang paling banyak digunakan pada hari ini sama ada di mahkamah syariah atau sivil ialah menggunakan khidmat pakar. Tandatangan terbahagi kepada dua kategori iaitu tandatangan berbentuk manual dan tandatangan secara elektronik. Namun penumpuan dalam penulisan ini hanya terfokus terhadap tandatangan berbentuk manual.

MAKSUD TANDATANGAN

Dalam kamus dewan, tandatangan merupakan nama atau ringkasan nama yang ditulis oleh orang itu sendiri: *pengantin lelaki itu pun menurunkan ~nya ke dalam buku Daftar Perkahwinan; ~ balas* (a) tandatangan yg diturunkan pada sesuatu dokumen, kontrak dsb yg sudah pun ditandatangani oleh orang lain; b) (Ekonomi) tandatangan ejen berlesen atau wakilnya ke atas polisi insurans untuk menjadikannya sebuah kontrak yang sah di sisi undang-undang; ~ *ringkas* tandatangan dengan huruf pertama (awal) nama sendiri (Kamus Dewan, 2005: 1595).

Menurut istilah, terdapat beberapa definisi tandatangan antaranya, “Sesuatu coretan dilakukan oleh penulis pada akhir tulisannya tanda khusus yang menunjukkan persetujuannya dan sanggup untuk mematuhi setiap isi kandungan yang tertulis dalam catatan tersebut” (Ahmad Muhammad Dawud, 2004: 588). Menurut Nuriyy (1998: 3/52), tandatangan merupakan sesuatu tanda dalam

bentuk tulisan yang dibuat terhadap sesuatu perjanjian bertulis dan ia menunjukkan persetujuan daripada pihaknya terhadap kandungan perjanjian tersebut.

Tidak terdapat takrif khusus bagi tandatangan dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 atau undang-undang sivil. Namun ia dapat ditakrifkan sebagai, “tanda atau isyarat yang kebiasaannya digunakan untuk menyatakan persetujuan seseorang itu terhadap sesuatu pekerjaan atau pelaksanaan sesuatu urusan menurut undang-undang”.

Hasil daripada beberapa definisi yang telah diberikan dapatlah disimpulkan, tandatangan ialah, “simbol atau sesuatu tanda yang berbentuk ringkasan nama, cap jari atau cop rasmi yang diturunkan di atas surat atau dokumen perjanjian yang menggambar persetujuan atau keredaan terhadap apa yang tercatat dalam surat atau dokumen tersebut”.

DALIL PENGGUNAAN TANDATANGAN

Imam malik menyatakan sesesuatu kesaksian yang dibuat melalui dokumen yang mengandungi tandatangan, maka ia boleh dijadikan sebagai bahan bukti. Peristiwa ini membuktikan, tandatangan diamalkan sejak sebelum kedatangan Islam lagi dan diteruskan oleh Rasulullah S.A.W. Tandatangan sememangnya telah disyariatkan, cuma ia berbeza dari segi bentuk dan caranya sahaja (‘Abd al-Hasib ‘Abd al-Salam Yusuf, 1987: 483).

Terhadap beberapa hadis yang menyatakan pengiktirafan Rasulullah S.A.W terhadap amalan tandatangan. Antaranya:

عن أنس بن مالك، قال: لما أراد النبي صلى الله عليه وسلم أن يكتب إلى الروم، قالوا إنهم لا يقرأون كتابا إلا مختوما، فاتخذ النبي صلى الله عليه وسلم خاتما من فضة

Maksudnya, “Anas bin malik telah berkata: «Ketika Rasulullah S.A.W hendak mengutus surat kepada kerajaan Rom, maka mereka berkata, sesungguhnya mereka tidak akan membaca surat melainkan ada cop rasmi, maka Rasulullah S.A.W membuat cop yang diperbuat daripada perak” (Hadis. Muslim).

Seksyen 45(1) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, mengiktiraf peranan tandatangan dalam

keterangan, “*tertakluk kepada subseksyen 17(2), tiada fakta perlu dibuktikan dalam mana-mana prosiding jika pihak-pihak dalam prosiding itu atau ejen mereka bersetuju untuk mengakuinya dalam pendengaran itu atau yang sebelum pendengaran itu mereka bersetuju untuk mengaku dengan apa-apa tulisan di bawah tandatangan mereka, atau yang menurut apa-apa kaedah pliding yang sedang berkuat kuasa, mereka disifatkan telah mengakuinya dengan pliding mereka*”.

BENTUK-BENTUK TANDATANGAN

Terdapat beberapa bentuk tandatangan seperti berikut:

1. Tandatangan Bertulis

Tandatangan bertulis atau dipanggil juga sebagai ‘sain’ merupakan, “*setiap tanda atau istilah secara bertulis yang dipilih sendiri oleh seseorang itu dengan tujuan untuk menyatakan kehendak atau persetujuan terhadap kenyataan yang terkandung dalam sesesuatu dokumen*” (Abudiy, ‘Abbas, 2001: 42).

Sain tidak mempunyai bentuk yang khusus, kadangkala ia dapat dibaca dan kadangkala sebaliknya. Tandatangan pada kebiasaannya hanya dapat difahami maksudnya oleh pihak yang menurunkan tandatangan sahaja. Tandatangan jenis ini dilakukan secara spontan dari seseorang apabila diminta untuk berbuat demikian tanpa memerlukan masa panjang. Tandatangan bertulis merupakan bentuk tandatangan yang paling banyak digunakan oleh pihak-pihak pada hari ini, bagi menyatakan persetujuan terhadap isi sesuatu dokumen (Nuriyy Khatir, 1998: 39).

2. Tandatangan Cap Jari

Cap jari ialah “*meletakkan ibu jari di atas bekas yang mengandungi dakwat dan memindahkan ibu jari tersebut ke atas dokumen*” (Tharwat ‘Abd al-Hamid, 2007: 22). Cap jari merupakan ciri-ciri yang paling penting untuk membezakan identiti individu. Kenyataan ini dibuktikan dengan kajian secara berterusan oleh pakar-pakar forensik menunjukkan tidak mungkin berlaku dua orang individu mempunyai cap jari yang sama. Bentuk cap jari akan terus bersama-sama dengan individu sepanjang hayatnya dan tidak akan berubah atau sama dengan orang lain buat selamanya (Muhammad Sami ‘Aliyy, t.th: 128).

Asas pengenalan cap jari adalah kekal dan berlainan. Secara teori, sebahagian besar ciri-ciri cap jari ditentukan oleh persekitaran pada tempoh bulan ke-3 dan ke-4 semasa mengandung, dan tidak bertukar. Secara praktikal, parut dan ketuat mampu mengubah sedikit cap jari. Secara popular, tiada dua individu termasuk kembar seiras, memiliki cap jari yang sama. Pada tahun 1892, Sir Francis Galton mendapati bahawa cap jari biasa memiliki 35-50 titik pengenalan (*minutiae*) dan kemungkinan dua cap jari yang sama adalah 1 dalam 64 bilion (http://ms.wikipedia.org/wiki/Cap_jari).

Dalam seksyen 33 (1), Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, ada menyatakan mengenai pengesahan pakar mengenai cap jari seseorang boleh diterima pakai bagi mengesahkan identiti seseorang:

“Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, ialah qarinah”.

3. Tandatangan Cop

Cop “*rubber stamp*” merupakan alat untuk menurunkan bekas atau kesan tanda (tandatangan, nama dan lain-lain) dengan menckankannya di atas kertas seperti surat dan lain-lain. Ia juga dipanggil sebagai ‘tera’ dan pada kebiasaannya ia diperbuat daripada getah (Kamus Dewan, 2005: 246). Kadangkala tandatangan bertulis atau cap jari digantikan dengan menggunakan tandatangan cap dan ia membezakan antara seseorang dengan yang lain.

Penggunaan cop ini adalah seperti yang dijelaskan dalam hadis sebelum ini yang telah diriwayatkan oleh Anas R.A, bahawa Rasulullah S.A.W telah menurunkan cop ke atas surat yang hendak diutus kepada kerajaan Rom. Hal ini kerana mercka tidak akan melayan mana-mana surat tanpa ada cop rasmi.

Penggunaan tandatangan cop ini sebenarnya digalakkan dalam penyediaan dokumen, kerana Sayidina Umar R.A pernah berkata: “(penggunaan cop) itu adalah lebih baik daripada dibiarkan berlakunya *tohman*”. Ia bermaksud penggunaan tandatangan cap di atas sesesuatu

dokumen adalah lebih baik daripada dibiarkan berlakunya tohmahan terhadap dokumen itu seperti kesangsian berlakunya penambahan atau pengurangan kandungan dokumen tersebut. Kata-kata Umar ini menunjukkan cap ini amat penting, kerana ia dapat menghindarkan daripada berlakunya tohmahan atau kesangsian terhadap kandungan dokumen tersebut (Abu al-^oIz, ^eAliyy Muhammad Ahmad, 2008: 321).

SYARAT-SYARAT TANDATANGAN

Syarat-syarat tandatangan berkait rapat dengan syarat bagi dokumen itu sendiri. Syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama bagi sesuatu dokumen ialah "*mustabinah marsumah*". *Mustabinah* bermaksud dokumen itu hendaklah jelas, dapat dibaca dan difahami maknanya. *Marsumah* pula bermaksud, penghantar dan penerima hendaklah dinyatakan dengan jelas dari segi nama, alamat atau seumpamanya (al-Zuhayliyy, Muhammad, 1994: 2/ 418).

Di sini dapat dinyatakan, syarat-syarat tandatangan adalah:

i. Tandatangan Hendaklah Benar-Benar Daripada Pihak Berkenaan

Pihak-pihak hendaklah memastikan tandatangan itu adalah benar daripada pihak terlibat dengan dokumen yang dimeterai dan mendapat persetujuan serta kerediaan daripada pihak yang menurunkan tandatangan tersebut. Hendaklah dipastikan tandatangan tersebut benar-benar menggambarkan identiti pihak yang menurunkan tandatangan dan selamat daripada peniruan dan penipuan. Pihak-pihak terbabit dianggap telah memenuhi syarat ini apabila menurunkan tandatangan dengan keredaannya sama ada menggunakan nama penuh, gelaran keluarga dan seumpamanya.

ii. Tandatangan Hendaklah Kekal

Tandatangan yang diturunkan juga hendaklah kekal, meninggalkan kesan dan dapat dilihat sama ada dengan mata kasar atau menggunakan peralatan tertentu. Sekiranya dibuat di atas air atau angin, maka tandatangan tersebut tidak sah.

iii. Tandatangan Hendaklah Diturunkan Secara Langsung Atau Terus

Syarat ini memberi dua maksud iaitu tandatangan hendaklah diturunkan oleh tuannya sendiri. Kedua, tandatangan tersebut juga hendaklah diturunkan di atas dokumen itu sendiri dan bukannya di atas kertas atau bahan berasingan.

Tandatangan dianggap sah sekiranya ia diturunkan oleh pihak yang terlibat dengan dokumen yang dimeterai. Sekiranya seseorang itu menurunkan tandatangan bagi pihak lain sekalipun ia diizinkan atau tandatangan tersebut sama, maka tandatangan tersebut adalah batal.

Walau bagaimanapun seseorang itu boleh mewakilkan tandatangan kepada pihak tertentu dan wakil itu hendaklah menyatakan statusnya sebagai wakil pada tandatangan tersebut. Pada kelazimannya tandatangan diturunkan pada akhir dokumen. Ini kerana tandatangan tersebut menunjukkan pihak yang terbabit menyatakan persetujuan mengenai kandungan dokumen sebelum ini (Tharwat ^oAbd al-Hamid, 2007: 245).

KAEDAH PENGESAHAN TANDATANGAN

Menurut fiqh dan Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, terdapat beberapa kaedah untuk membuat pengesahan terhadap sesuatu dokumen termasuklah tandatangan iaitu melalui ikrar, saksi, sumpah dan pendapat pakar.

Ikrar

Terdapat beberapa definisi mengenai ikrar, antaranya ialah, “*pemberitahuan atau pengakuan hak orang lain ke atas dirinya*” (^oAbd al-Rahman bin Muhammad bin Sulayman, 1347H: 2/288). Terdapat banyak dalil sama ada al-Quran, Sunnah dan ijmak menyatakan ikrar sebagai kaedah pengesahan dokumen termasuklah pengesahan bagi tandatangan, antaranya: Firman Allah S.W.T:

بَلِ الْإِنْسَانُ عَلَىٰ نَفْسِهِ بَصِيرَةٌ وَلَوْ أَلْقَىٰ مَعَاذِيرَهُ

Maksudnya, “*Bahkan manusia itu, (anggotanya) menjadi saksi terhadap dirinya sendiri, Walaupun ia memberikan alasan-alasannya (untuk membela diri)*” (al-Quran, Surah al-Qiyamah: 14).

Dalam sebuah hadis, sabda Rasulullah S.A.W:

واغدُ يا أنيس إلى امرأة هذا، فإن اعترفت فارجمها

Maksudnya, “*Wahai Unays, segelalah kamu pergi kepada wanita itu dan bertanyalah kepadanya dan sekiranya dia mengaku maka rejamlah dia*” (Hadis. Al-Bukhariyy).

Ayat dan hadis ini menunjukkan penerimaan ikrar sebagai salah satu kaedah pembuktian seseorang ke atas dirinya sendiri kerana ketiadaan saksi. Ini kerana pengakuan sendiri oleh seseorang mengenai perbuatan yang dilakukannya dapat mengelakkan tohmahan terhadap orang lain. Selain daripada itu orang yang normal akalunya tidak akan berbohong dalam sesuatu perkara yang kesan buruknya akan kembali kepada dirinya sendiri (Ibn al-‘Arabiyy, 1967:1/247).

Khulafa’ al-Rasyidin, para sahabat, ulama mazhab dan para ulama keseluruhannya bersepakat tanpa bantahan mengenai kesahihan ikrar sebagai kaedah pembuktian dalam semua kes sehinggalah ke hari ini.

Walau bagaimanapun, keujahan ikrar sebagai kaedah pembuktian hanya terhad ke atas pihak yang membuat pengakuan sahaja. Kesan ikrar tidak akan melibatkan pihak lain kerana kesan di sebalik pengakuannya itu akan ditanggung oleh dirinya sendiri (*Al-Mausu’ah al-Fiqhiyyah*, t.th: 6/49).

Syarat Ikrar

Terdapat beberapa syarat ikrar yang wajib dipenuhi bagi memastikan ikrar tersebut sah seterusnya dapat dijadikan kaedah pembuktian. Syarat orang yang berikrar hendaklah baligh, berakal, berikrar tanpa paksaan, berikrar tanpa sebarang tohmahan atau syak, merdeka dan memahami apa yang diikrarkan.

Syarat bagi pihak yang disabitkan baginya hak hasil daripada ikrar (*al-Muqarr lahu*) pula berkecualan untuk memiliki sesesuatu hak. Tidak sah ikrar untuk benda, tumbuhan dan haiwan. *al-Muqarr lahu* juga hendaklah tidak menafikan ikrar tersebut dan pihak *al-muqarr lahu* hendaklah disebut jelas oleh pihak yang berikrar (al-Sharhiniyy, 1994: 6/258, Al-Kasaniyy, 1997: 6/256, Ibn Qudamah, t.th: 6/601, al-Malikiyy, Ahmad bin Muhammad al-Sawiyy. 1977: 3/221, al-Dimyatiyy, Abu Bakar, 1993: 3/221, Al-Za’iyy, Mahmud. 2003: 46, Ahmad Ibrahim Ibrahim, 1347H: 142, al-Qalyubiyy & ‘Umayrah,

2003: 3/6, Al-Ramliyy, Ahmad bin Hamzah al-Shafi'iyy, t.th: 5/66 & Ibn Qasim, Muhammad, t.th: 5/8).

Berpandukan kepada definisi, dalil-dalil dan syarat-syarat ikrar, jelas membuktikan ikrar merupakan kaedah pembuktian yang disepakati oleh para ulama dan diterima pakai sejak pada zaman Rasulullah S.A.W dan sahabat lagi sehinggalah ke saat ini. Dengan ini ikrar juga boleh dijadikan bahan bukti bagi pengesahan tandatangan seseorang. Sekiranya seseorang mengaku bahawa tandatangan dalam dokumen itu adalah tandatangannya dan tidak timbul sebarang keraguan maka pengakuan itu diterima pakai.

Dalam seksyen 55, Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ada memperuntukkan: “(1) Pengakuan tentang tulisan, tandatangan atau meterai hendaklah diterima sebagai pengakuan orang yang menulis atau yang menyempurnakan dokumen itu. (2) Sesuatu pengakuan yang dibuat dalam dokumen yang ditulis atau yang disebabkan ditulis oleh seseorang di bawah tandatangan atau meterainya dan diserahkan kepada orang lain boleh diterima sebagai ikrar, dengan syarat bahawa subseksyen 17(2) dipatuhi”.

Kesaksian

Kesaksian ditakrifkan sebagai, “pemberitahuan tentang sesuatu hak atau kepentingan bagi orang lain dengan menggunakan lafaz ‘aku bersaksi’” (Abd al-Muttalib ‘Abd al-Razzaq Hamdan, 2007: 21). Terdapat banyak dalil mengenai pensyiaran kesaksian sebagai kaedah pembuktian, antaranya, firman Allah S.W.T:

وَلَا تَكْتُمُوا الشَّهَادَةَ وَمَنْ يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُ آتِمٌ قَلْبُهُ

Maksudnya, “Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. Sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya dia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan” (al-Quran. Surah al-Baqarah: 283).

Sabda Rasulullah S.A.W:

عن الأشعث بن قيس، قال: كان بيني وبين رجل خصومة
في بئر فاختصمنا إلى الرسول صلى الله عليه وسلم، فقال
رسول الله: شاهدك أو يمينه

Maksudnya, “*Daripada al-Ash’ath bin Qays, dia telah berkata: telah berlaku perselisihan antara aku dan seorang lelaki mengenai perigi, kemudian kami membuat pengaduan kepada Rasulullah S.A.W, maka baginda bersabda bawalah bagi pihak kamu dua saksi atau sumpahnya*” (Hadis).

Para ulama bersepakat mengenai kekuatan kesaksian bagi dalam membuat penafian atau mensabitkan sesuatu dakwaan. Tidak ada ulama yang menolak kekuatan kesaksian sebagai salah satu kaedah pembuktian termasuklah dalam pengesahan tandatangan (Ibn Qudamah, t.th: 14/5)

Hukum Penerimaan dan Memberi Kesaksian

Hukum penerimaan dan memberi kesaksian adalah fardu kifayah demi menjaga hak dan kemaslahatan umat manusia daripada dinodai (Zaydan, ‘Abd al-Karim. 1997: 141) Firman Allah S.W.T:

وَلَا يَأْبَ الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا

Maksudnya, “*Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi*” (al-Quran. Surah al-Baqarah: 282).

Firman Allah S.W.T lagi:

وَلَا تَكْتُمُوا الشَّهَادَةَ وَمَنْ يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُ آتَمٌ قَلْبُهُ

Maksudnya, “*Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya*” (al-Quran. Surah al-Baqarah: 283).

Kedua-dua ayat ini secara tegas melarang kita daripada membunyikan kesaksian. Tegahan daripada ayat ini membuktikan menerima dan menyampaikan kesaksian adalah wajib. Ibn Abbas berkata, “*menyembunyikan kesaksian merupakan salah satu daripada dosa-dosa besar*” (Nasr Farid Wasil, 1968: 60).

Syarat-Syarat Penerimaan Dan Memberi Kesaksian

Syarat-syarat penerimaan saksi ada tiga iaitu saksi itu hendak berakal, dapat melihat dan melihat sendiri kejadian tersebut. Bagi sesetengah ulama Hanafiyy, penerimaan kesaksian daripada saksi buta boleh

diterima sekiranya dia dapat membezakan suara antara seseorang dengan seseorang yang lain (Ibn ‘Abidin, 1995: 11/81, al-Mawardi t.th:21/63, Ibn Qudamah, t.th: 14/68 & Ibn Farhun, Muhammad, 2000: 1/175).

Syarat-syarat orang yang memberi kesaksian dibahagikan kepada tiga: pertama, syarat-syarat disepakati yang mesti diambil kira oleh seseorang saksi iaitu Islam, berakal, baligh, tidak pelupa dan adil (Ibn Qudamah, t.th: 14/68). Kedua, syarat yang disepakati tidak diambil kira bagi seseorang yang memberi kesaksian iaitu lelaki, di mana lelaki dan perempuan layak memberi kesaksian. Ketiga, syarat-syarat yang diperselisihkan dari sudut penerimaannya iaitu merdeka, boleh bercakap, melihat dan tidak timbul sebarang tohmahan (al-Mawardi t.th:16/178, Ibn ‘Abidin. 1995: 11/85 & al-Qurtubiyy, 2000: 7/104).

Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, seksyen 83 mempertuntukkan:

“Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah kompeten untuk memberikan syahadah atau bayinah sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah akil, baligh, adil, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka”.

Bilangan Saksi

Menurut jumhur ulama bilangan saksi kes zina adalah empat orang (Mutawalliyy, Mahmud ‘Aysh, t.th: 103). Firman Allah S.W.T:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءِ
فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا
وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Maksudnya, *“Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima kesaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik”* (al-Quran. Surah al-Nur: 4).

Bilangan saksi bagi kes-kes hudud, qisas dan tidak masuk zina, seperti *qazaf*, mencuri, merompak, minum arak murtad dan kes-kes qisas seperti membunuh, maka bersepakat para ulama hendaklah disaksikan sekurang-kurangnya dua orang saksi lelaki (Mutawalliyy, Mahmud ‘Aysh, t.th: 105). Firman Allah S.W.T:

وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ

Maksudnya, “Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki daripada kalangan kamu” (al-Quran. Surah al-Baqarah: 282).

Manakala bilangan saksi bagi kes-kes selain hudud, qisas dan harta seperti nikah, cerai, rujuk, ila’, zihar, pengesahan nasab, perwakilan dan seumpamanya, menurut jumhur terdiri dari Shafi’iyy dan Hanbaliyy hendaklah disaksikan oleh dua orang saksi lelaki. Manakala menurut Hanafiyy ia boleh disaksikan oleh dua saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan dua saksi perempuan (Zaydan, ‘Abd al-Karim, 1997: 160). Bagi kes harta seperti jual beli, sewa menyewa, tempahan, gadaian dan urusan lain yang melibatkan harta, maka bilangan saksi ialah seorang saksi lelaki dan dua saksi perempuan atau seorang saksi lelaki dan sumpah plaintif.

Firman Allah Taala

وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ
مِمَّنْ تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ

Maksudnya, “Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki daripada kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan daripada orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi” (al-Quran. Surah al-Baqarah: 282).

Sabda Rasulullah S.A.W:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَضَى بِالْيَمِينِ مَعَ الشَّاهِدِ

Maksudnya, “Sesungguhnya Rasulullah S.A.W menjatuhkan hukuman berdasarkan keterangan seorang saksi lelaki dan sumpah (plaintif)” (Hadis).

Berdasarkan pandangan ulama dan dalil-dalil yang dikemukakan, bilangan saksi bagi pengesahan dokumen menurut jumur hendaklah sekurang-kurangnya disaksikan oleh seorang saksi dan sumpah dari pihak plaintif.

Menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, bilangan saksi bagi pengesahan dokumen termasuklah tandatangan ialah dua orang saksi tanpa menyatakan lelaki atau perempuan, seperti mana dalam seksyen 56(1): *“Jika orang yang menyempurnakan sesuatu dokumen menafikan tulisan pada atau tanggungan yang diwujudkan dalam dokumen itu, maka tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah dibuktikan oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi kepada dokumen itu”*.

Namun peruntukan ini dihuraikan oleh seksyen 86 (4) dan (5):

“86 (4) Keterangan seorang perempuan adalah mencukupi untuk membuktikan apa-apa fakta yang biasanya dilihat oleh atau dalam pengetahuan seorang perempuan. 86(5) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, keterangan hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan”.

Pendapat pakar

Selain daripada ikrar dan kesaksian, pendapat pakar merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk membuat pengesahan tandatangan. Namun pada hari ini, pendapat pakar merupakan kaedah yang paling popular bagi tujuan membuat pengesahan sesuatu dokumen termasuklah memastikan sesuatu tandatangan benar-benar daripada pemiliknya atau sebaliknya.

Pendapat pakat atau *“Ra’yu al-Khabir”* ialah *“kaedah pembuktian yang dibuat oleh ahli ilmu atau pakar di atas permintaan hakim bagi mendapat pandangan mereka mengenai isu-isu tertentu yang berlaku pertelingkahan antara pihak-pihak, dengan pendapat mereka akan membantu hakim membuat keputusan yang tepat”*.

Hakim akan meminta bantuan pakar bagi kes-kes sekiranya ia di luar kemampuan dan kepakaran hakim seperti pengesahan tandatangan daripada pakar forensik dan sebagainya. Dengan bantuan mereka akan memudahkan mahkamah membuat penilaian setiap dakwaan dengan tepat dan adil (Shinyur, °Abd al-Nasir Muhammad. 2006: 39).

Terdapat beberapa dalil daripada al-Quran dan Sunnah mengenai pensyariatian pendapat pakar sebagai kaedah pembuktian

khususnya dalam pengesahan tandatangan. Perkataan “*ahlu al-Zikr*” dan “*Khabir*” merujuk kepada pendapat pakar, Firman Allah S.W.T:

فَسْئَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya, “Oleh itu bertanyalah kamu kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui” (al-Quran. Surah al-Nahl: 43).

Firman Allah Taala lagi:

فَسْئَلْ بِهِ خَيْرًا

Maksudnya, “Maka bertanyalah akan hal itu kepada yang mengetahuinya” (al-Quran. Surah al-Furqan: 59).

Rasulullah S.A.W pernah mengiktiraf pengesahan nasab melalui *qiyafah* oleh Majzaz al-Madlajiyy. Ini membuktikan baginda menerima pandangan pakar, sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W dalam hadis yang telah diriwayatkan oleh ‘Aishah R.A:

دخل علي رسول الله صلى الله عليه وسلم ذات يوم وهو مسرور فقال: يا عائشة، ألم تري أن مجززا المدلجي دخل علي فرأى أسامة وزيدا، وعليهما قطيفة قد غطيا رؤوسهما وبدت أقدامهما،

فقال: إن هذه الأقدام بعضها من بعض

Maksudnya, “Pada suatu hari, Rasulullah S.A.W telah masuk menemui dalam keadaan gembira. Lalu baginda bersabda, “Majzaz al-Madlajiyy telah masuk menemui lalu dia terpancang Zayd dan Usamah. Kepala mereka berdua tertutup oleh baldi namun kaki mereka kelihatan. Beliau berkata, “kaki mereka mempunyai persamaan antara satu sama lain” (Hadis. Muslim).

Menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Seksyen 33(1) & 33(2): “33 (1) Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang

identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, ialah qarinah. 33 (2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar”.

Syarat-Syarat Pakar Menurut Fiqh

Disyaratkan pakar beragama Islam, berakal dan baligh. Ulama empat mazhab bersepakat tidak sah menerima nasihat kepakaran daripada kanak-kanak dan orang bodoh. Selain daripada itu pakar mestilah adil. Walau bagaimanapun, ulama Malikiyy membolehkan pandangan pakar yang fasik dalam keadaan darurat, kerana pandangan mereka dalam bentuk perkhabaran semata-mata dan bukannya kesaksian.

Selain daripada itu, ulama bersepakat, seseorang pakar hendaklah betul-betul pakar dalam bidangnya. Terdapat juga ulama menambah beberapa syarat yang lain seperti mampu bercakap, mendengar, melihat, amanah dan bilangan pakar lebih daripada seorang (Shinyur, ‘Abd al-Nasir Muhammad. 2006: 72-75).

Menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Seksyen 33(3), 56 (4) & 56 (5):

“33 (3) Dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar, maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan.

56 (4) Jika saksi-saksi kepada dokumen itu atau orang yang disebut dalam subseksyen (2) tidak mengenal pasti tulisan dan tandatangan pada dokumen itu sepenuhnya, maka tulisan dan tandatangan pada dokumen itu hendaklah disahkan oleh sekurang-kurangnya dua orang pakar. 56 (5) Jika tulisan dan tandatangan pada dokumen itu telah disahkan oleh pakar-pakar, maka orang yang telah menyempurnakan dokumen itu adalah terikat dengan apa-apa tanggungan yang diwujudkan dalam dokumen itu”.

Kaedah Yang Digunakan Oleh Pakar Untuk Membuat Pengesahan Tandatangan

Untuk Membuat Pengesahan Tandatangan, kebiasaannya pakar akan menggunakan beberapa kaedah antaranya:

- i. Pakar akan meminta pihak-pihak yang terlibat membuat semula tandatangannya. Kemudian pakar akan membanding tandatangan

yang telah dibuat dengan tandatangan yang terdapat dalam dokumen yang dipertikaikan.

- ii. Pakar meminta pihak yang terlibat mengulang-ulang tandatangan. Pemilik tandatangan yang asal akan tetap sama sekalipun dia mengulang-ulang sekalipun jumlah yang banyak, kerana ia telah terbiasa dengan tandatangan tersebut, berbeza dengan pihak yang meniru atau menipu tandatangan.

Sumpah

Sumpah merupakan kaedah terakhir digunakan untuk membuat pengesahan dokumen termasuklah pengesahan tandatangan. Menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, seksyen 56(6):

“Jika sesuatu dokumen tidak boleh dibuktikan dengan mana-mana cara yang disebut terdahulu, orang yang menafikan tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah, apabila diminta oleh orang yang mengatakan bahawa orang disebut terdahulu itu ialah orang yang menyempurnakan dokumen itu, mengangkat sumpah, dan jika dia enggan berbuat demikian, orang yang mengatakan itu boleh mengangkat sumpah dan berikutan dengannya membuktikan tuntutananya”.

Definisi Sumpah dan Pensyariatannya

Menurut istilah, sumpah ditakrifkan sebagai: *“suatu lafaz yang digunakan untuk menyatakan (mensabitkan) haknya terhadap sesuatu perkara atau menafikan sesuatu perkara di hadapan hakim dengan menyebut nama Allah S.W.T atau sifat-sifatNya”.*

Sumpah juga membawa maksud mengukuhkan kata-kata yang tidak sabit kebenaran kandungannya dengan menyebut salah satu daripada nama-nama Allah S.W.T ataupun salah satu sifat-Nya dengan lafaz yang tertentu (al-Khin, Mustafa, al-Bugha Mustafa & al-Sharbajiy, ‘Aliyy, 1996: 3/574). Ia sama ada berkait dengan masa yang lalu atau akan datang atau sama ada benar atau pun dusta (Al-Mahdaniyy, Shahab Al-Din Abu Ishaq Ibrahim ‘Abdullah, 1984: 1/178).

Penggunaan perkataan “pengukuhan” dalam takrif di atas adalah bertujuan mengabaikan sumpah yang sia-sia iaitu sumpah yang diucapkan tanpa niat untuk melaksanakannya ataupun niat untuk

membenarkannya. Kenyataan ini adalah bersandarkan kepada firman Allah S.W.T yang:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَّدْتُمُ الْأَيْمَانَ

Maksudnya, “Allah tidak menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpahmu yang tidak dimaksudkan (untuk bersumpah), tetapi dia menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah yang kamu sengajakan” (al-Quran. Surah al-Ma’idah: 89).

Dalam Peraturan Sumpah Syarie Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) sumpah Syarie bermaksud, “suatu perkataan yang disertakan dengannya nama Allah S.W.T atau sifat-sifatNya, ia digunakan untuk menyatakan ada haknya (Ithbat) terhadap sesuatu perkara atau menafikan sesuatu perkara di hadapan Hakim”.¹

Sumpah sebagai suatu alat keterangan atau pembuktian dalam sistem kehakiman Islam, ialah sumpah yang dilakukan di hadapan hakim atau mahkamah sahaja. Sekiranya seseorang itu bersumpah di luar mahkamah, kemudian dibawa perkara tersebut kepada hakim maka hakim tidak boleh menerimanya.

Terdapat dalil-dalil daripada al-Quran ataupun Sunnah yang menunjukkan sumpah boleh dijadikan sebagai salah satu cara pengisbatan dan pembuktian atau penafian. Antara firman Allah S.W.T:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا
عَقَّدْتُمُ الْأَيْمَانَ

Maksudnya, “Allah tidak menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpahmu yang tidak dimaksudkan (untuk bersumpah), tetapi dia menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah yang kamu sengajakan” (al-Quran. Surah al-Ma’idah: 89).

Sabda Rasulullah S.A.W:

عن ابن عباس عن النبي صلى الله عليه وسلم:
"لو يعطى الناس بدعواهم لادعى ناسٌ دماء
رجالٍ وأموالهم، ولكن اليمين على المدعى عليه."

¹ Deraf Peraturan Sumpah Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004.

Maksudnya, “Scandainya setiap pengaduan manusia diterima, nescaya setiap orang akan mengadukan harta suatu kaum dan darah mereka, karena itu (agar tidak terjadi hal tersebut) maka bagi pendakwa agar mendatangkan bukti dan sumpah bagi yang mengingkarinya” (Hadis. Al-Tirmidhiyy).

Syarat-Syarat Pelaksanaan Sumpah

Sumpah yang dilafazkan tidak akan diambil kira sekiranya tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Menurut Dr. Wahbah al-Zuhayliyy (1997: 8/6064), syarat-syarat sumpah *al-Qada'iyah* yang disepakati di kalangan ulama adalah seperti berikut:²

- i. Hendaklah yang bersumpah itu seorang yang mukallaf.
- ii. Melakukan sumpah dengan reda bukan dalam paksaan.
- iii. Hendaklah pihak yang kena dakwa (*mudda'a 'alayh*) menafikan tuduhan yang dilemparkan oleh pendakwa (*mudda'iy*) terhadapnya. Sekiranya pihak yang kena dakwa (*mudda'a 'alayh*) mengaku atau pendakwa (*mudda'iy*) mempunyai cukup keterangan maka sumpah tidak diperlukan.
- iv. Pihak pendakwa (*mudda'iy*) hendaklah memohon kepada hakim supaya lawannya bersumpah dan hakim hendaklah mengarah pihak pihak yang kena dakwa (*mudda'a 'alayh*) bersumpah. Sekiranya pihak pendakwa (*mudda'iy*) tidak meminta pihak yang kena dakwa (*mudda'a 'alayh*) bersumpah maka hakim tidak berkuasa untuk berbuat demikian.
- v. Hendaklah sumpah bersifat *shakhsiyyah* iaitu dibuat secara langsung untuk dirinya. Sumpah tidak boleh dibuat untuk pihak lain kerana ia berkait rapat dengan tanggungan orang yang bersumpah dan agamanya. Oleh itu wakil atau wali tidak boleh sama sekali melaksanakan sumpah dan hendaklah ditangguhkan sehingga dia baligh.
- vi. Kes yang dilaksanakan sumpah hendaklah tidak ada kaitan dengan hak Allah S.W.T semata-mata seperti hudud atau qisas.
- vii. Hendaklah sumpah mengenai hak-hak yang harus diikrarkan. Semua hak-hak yang padanya dibolehkan membuat pengakuan,

² Ibid. Hlm. 6074.

maka bolehlah pihak yang kena dakwa (*mudda' a 'alayh*) yang mengingkari dakwaan ke atasnya melafazkan sumpah. Oleh yang demikian, wakil, *wasiyy* dan *qayyim* (mereka yang dilantik oleh mahkamah menjaga harta anak-anak yatim) tidak boleh bersumpah bagi pihak lain kerana tidak sah ikrar mereka yang melibatkan orang lain.

viii. Hendaklah bersumpah dengan menyebut nama Allah S.W.T atau sifat-sifat-Nya.

Syarat sumpah telah dinyatakan secara jelas dalam Peraturan 7 Peraturan Sumpah Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2006. Syarat-syarat Sumpah Syarie itu ialah:

“Orang yang bersumpah hendaklah akil baligh dan sukarela, defendan tidak mengakui hak plaintif, pihak yang bertikai meminta Hakim arahkan pihak satu lagi bersumpah, orang yang bersumpah hendaklah bersumpah bagi dirinya sendiri, perkara yang disumpah itu bukanlah hak Allah semata-mata, dan dalam perkara-perkara yang berhubung dengan hak yang boleh diterima ikrarnya”.

KESIMPULAN

Berikut ialah kesimpulan daripada perbincangan yang lepas:

- i. Tandatangan merupakan elemen penting untuk memastikan penerimaan atau penolakan sesesuai dokumen. Dokumen tanpa tandatangan tidak bernilai dan tidak dapat dijadikan sebagai bahan bukti.
- ii. Persetujuan Rasulullah S.A.W untuk menandatangani surat-surat yang dihantar kepada kerajaan-kerajaan besar di waktu itu seperti Rom dan Parsi membuktikan tandatangan diiktiraf sebagai suatu elemen penting dalam dokumen.
- iii. Bagi mengelakkan sebarang bentuk pemalsuan tandatangan yang mengakibatkan penganiayaan kepada mana-mana pihak, maka Syarak telah menggariskan kaedah-kaedah pembuktian seperti ikrar, penyaksian, pendapat pakar dan sumpah bagi membuat tandatangan. Namun penggunaan pendapat pakar merupakan kaedah yang paling banyak digunakan pada hari ini bagi mengesahkan tandatangan sekiranya berlakunya pertikaian mengenai pemilik sesuatu tandatangan.

- iv. Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, memperuntukkan beberapa kaedah untuk membuat pengesahan tandatangan seperti dinyatakan dalam fiqh yang merujuk kepada seksyen 33, 55 dan 56.

BIBLIOGRAFI

- ‘Abbas ‘Abudiyy. 2001. *al-Sanadat al-‘Adiyah wa Dawruha fi al-Ithbat al-Madaniyy*. t.tp: Dar Thaqaifah.
- ‘Abd al-Hasib ‘Abd al-Salam Yusuf. 1987. *al-Qadiyy wa al-Bayyinah*. al-Kuwayt: Maktabat al-Ma‘la.
- ‘Abd al-Muttalib ‘Abd al-Razzaq Hamdan. 2007. *al-Da‘wa wa Ithbatuha fi al-Fiqh al-Jina’iyy al-Islamiyy*. al-Iskandariyyah: Dar al-Fikr al-Jami‘.
- ‘Abd al-Rahman bin Muhammad bin Sulayman. 1347H. *Majma‘ al-Anhur fi Sharh Multaqa al-Abhur*. Jil. 2. t.tp: al-Matba‘at al-‘Uthmaniyyah.
- Abu al-‘Iz, ‘Aliyy Muhammad Ahmad. 2008. *al-Tijarah al-Iliktruniyyah*. ‘Amman: Dar al-Thaqaifah.
- Ahmad Ibrahim Ibrahim. 1347H. *Turuq al-Qada’*. Kaherah: al-Matba‘at al-Salafiyyah.
- Ahmad Muhammad Dawud. 2004. *Usul al-Mahkamah al-Shar‘iyyah*. ‘Amman: Dar Thaqaifah.
- Al-Bukhariyy. t.th. *Sahih al-Bukhariyy*. Tunis: Dar Sahnun.
- al-Dimyatiyy, Abu Bakar. 1993. *Hashiyah Fanat al-Talibin*. Beirut: Dar al-fikr.
- Ibn ‘Abidin. 1995. *Hashiah Radd al-Muhtar ‘Ala al-Dur al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn al-‘Arabiyy. 1967. *Ahkam al-Qur’an*. t.tp: ‘Isa al-Babiyy al-Halabiyy.
- Ibn Farhun, Muhammad. 2000. *Tabsirat al-Hukkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Qasim, Muhammad. t.th. *Hashiyah al-Shaykh Ibrahim al-Bayjuriyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Qudamah. 1996. *al-Mughniyy*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Qudamah, Ahmad bin Muhammad al-Sawi al-Malikiyy. 1977. *Bulghat al-Salik*. al-Khurtum: al-Dar al-Sudaniyyah.